

Kerajaan sedia RM13 bilion bantu rakyat miliki rumah

SUBANG - Kerajaan membelanjakan hampir RM13 bilion bagi membantu rakyat memiliki rumah idaman masing-masing dan menyelesaikan pelbagai isu perumahan, kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Beliau berkata, langkah itu dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif termasuk Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia dan Program Perumahan Malaysia.

Menurut beliau, keperluan Kumpulan B40 dan M40 juga diberikan perhatian sewajarnya apabila kerajaan memperkenalkan antara lain skim sewa beli, MyHome dan MyDeposit.

"Inisiatif membantu peneroka Fel-da dan Felcra untuk memiliki rumah masing-masing juga dipertimbangkan," katanya ketika merasmikan Sidang Kemuncak Perumahan dan Hartanah Kebangsaan ke-20 di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau berharap sektor swasta turut memberi

fokus untuk membina lebih banyak rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Noh berkata, kerajaan telah mencadangkan kepada Bank Negara untuk melonggarkan terma dan syarat untuk permohonan pinjaman perumahan bagi pembeli kali pertama, terutamanya dalam kalangan Kumpulan B40.

Beliau berkata, ia adalah sebahagian cadangan penyelesaian untuk membantu mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM3,800 yang berdepan kesukaran mendapatkan pinjaman walaupun bagi hartanah bernilai RM35,000.

"Kita (kementerian) pernah mencadangkan supaya Bank Negara mempertimbangkannya, dan wakil mereka terbuka kepada idea itu. Bagaimanapun, saya difahamkan bahawa Bank Negara perlu mengambil kira kemampuan pemohon untuk membayar balik," katanya. - Bernama



NOH (bertopi) melihat bahagian bangunan yang perlu dibaik pulih di Pangsapuri Puchong Permai di Puchong, Selangor semalam.